

Sabah memerlukan dasar biokultural, menurut UMS

KOTA KINABALU: Sabah memerlukan Dasar Kepelbagaian Biokultural yang meliputi keseluruhan sistem kebudayaan, penggunaan tanah tradisi dan kepelbagaian, menurut seorang penyelidik Dr Fadzilah Majid Cooke dari Pengajian Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Beliau berkata dasar ini selaras dengan polisi global termasuk Pertubuhan Pelajaran, Saintifik dan Kebudayaan (UNESCO) yang menerima Deklarasi Universal berkaitan Kepelbagai Kebudayaan 2001 dan Konvensyen Perlindungan dan Promosi Ekspresi Kepelbagaian Kebudayaan 2005.

Katanya dengan perluasan dasar ini, ia merupakan satu pengiktirafan bahawa kebanyakan biokepelbagaian yang diperolehi, dan akan ditemui, dalam lanskap orang ramai.

“Pada hakikatnya, ia

menekankan bahawa kejayaan keperluan pemuliharaan memerlukan penyertaan,” katanya kepada Bernama mengenai penyelidikannya yang bertajuk “Kepelbagaian Biokultural - Kenapa Ia Penting untuk Dasar di Sabah”, di sini kelmarin.

Menurutnya terdapat heterogeniti di dalam dan antara kaum pribumi di seluruh dunia tetapi ada sesetengah sifat yang mereka kongsi.

“Kekompleksan yang menakjubkan ini dikongsi oleh rakyat pribumi Sabah,” kata Fadzilah.

Beliau berkata rakyat pribumi berkongsi banyak sifat termasuk satu tradisi yang mengekalkan hutan suci atau bakau di mana haiwan dan pokok tidak diusik dan peraturan hutan yang dikuatkuasakan berasaskan komuniti.

“Pemuliharaan pada kebiasaannya mengenai kegunaan, menjadikan

kehidupan menggunakan sumber yang kekal sementara pemuliharaan biokepelbagaian berkaitan sumber asli tetapi pada masa yang sama mencegah banyak kemusnahan,” katanya sambil menambah terdapat keperluan untuk satu dasar mengenai kepelbagaian biokultural.

Mengenai isu dan cabaran yang dihadapi pasukan UMS dalam menjalankan penyelidikan itu, menurutnya penyelidikan kepelbagaian biokultural merupakan satu bidang penyelidikan baru untuk rentas bidang -- global, nasional dan skala tempatan. - Bernama